

No. Rujukan : USM.38/13/ii/c Jld.1  
Tarikh : 8 November 2023  
Kepada : Semua Staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional  
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan/  
Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

#### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 65 TAHUN 2023

- PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF BUKAN AKADEMIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI PERINGKAT SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM NEGARA BAGI SESI PENGAJIAN 2024/2025 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Staf Bukan Akademik di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Gred 41 dan ke atas. Pegawai-Pegawai yang berminat dan berkelayakan berdasarkan kepada syarat-syarat permohonan seperti di lampiran A, adalah dialu-alukan untuk memohon.

3. Permohonan yang dibuat perlulah melalui kelulusan Ketua Jabatan dan Pendaftar serta bidang pengajian yang dipohon adalah selari dengan keperluan masa hadapan jabatan. Senarai dokumen seperti di bawah bersama **Borang Permohonan Cuti Belajar (USM)** perlu diserahkan kepada Jabatan Pendaftar kampus masing-masing selewatnya pada **24 November 2023**.

BIL	DOKUMEN	FORMAT	SAIZ MAKSIMA
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan ( <i>proposal</i> ) yang disahkan *Ketua Jabatan / Penyelia	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (disahkan)	PDF	300kb
4.	Lampiran Senarai Tugas Terkini (disahkan)	PDF	300kb
5.	Borang Perakuan Ketua Jabatan	PDF	400kb

4. Pemohon akan melalui sesi temu duga Cuti Belajar di peringkat Universiti dan calon yang berjaya perlu memuat naik Borang Perakuan Ketua Jabatan dan dokumen berkaitan secara atas talian di pautan [https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index\\_login.php](https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index_login.php) atau melalui portal rasmi KPT : [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my). sebelum **20 Disember 2023 jam 5.00 petang**.

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 65 TAHUN 2023**

- **PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF BUKAN AKADEMIK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI PERINGKAT SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM DALAM NEGARA BAGI SESI PENGAJIAN 2024/2025 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

5. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai berikut:

<b>Nama Staf</b>	<b>Talian Sambungan</b>	<b>Email</b>
Puan Nor Hayati binti Abdul Rahman (Kampus Induk)	(81) - 6086	norr_hayati@usm.my
Puan Noren Asfarina binti Halim (Kampus Kejuruteraan)	(82) - 5015	rignoren@usm.my
Puan Zainumaheran binti Yusof (Kampus Kesihatan)	(83) - 2016	zaira@usm.my

6. Sekian harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Pendaftar

Ketua Jabatan

AFB/MAMS/HebahanPendaftarUBS-HLP-8NOV2023

Tel. : (6)04 653 6070/6071/6108 ; E-mel : [azizudin@usm.my](mailto:azizudin@usm.my) ; Web : [bsm.usm.my](http://bsm.usm.my)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

### TAWARAN

## HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI STAF BUKAN AKADEMIK IPTA UNTUK MENGIKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA, SARJANA PERUBATAN DAN PHD KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI BAGI SEMESTER 1 2024/2025

Kementerian Pendidikan Tinggi ingin menawarkan Biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) kepada Staf Bukan Akademik dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Awam (UA) dan Hospital Pengajar Universiti (HPU) bagi mengikuti pengajian kursus-kursus jangka panjang secara SEPENUH MASA di peringkat Sarjana, Sarjana Perubatan dan Ph.D di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Dalam Negara bagi Sesi Pengajian Semester 1, 2024/2025.

### SYARAT UMUM

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya

### SYARAT KHUSUS

#### PERKHIDMATAN

1. Telah disahkan dalam perkhidmatan pada tarikh tutup permohonan (dalam perkhidmatan tetap).
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun dalam skim perkhidmatan Pengurusan & Professional (Gred 41 dan ke atas dan lantikan selewat-lewatnya 31 Disember 2019) pada tarikh tutup permohonan.

	Tahun Perkhidmatan
Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas (lantikan selewat-lewatnya 31 Disember 2019)	3 Tahun ke atas

3. Mencapai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85% ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun skim perkhidmatan terkini secara berturut-turut (2020, 2021 & 2022 atau sebelum tahun penawaran 2023). Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan.

4. Kursus yang diikuti adalah berkaitan dengan tugas pegawai dan diperlukan demi kepentingan perkhidmatan.
5. Permohonan disokong oleh Ketua Jabatan dan diperaku oleh Majikan/ Pendaftar masing-masing.

#### **SYARAT AKADEMIK**

6. Memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Diploma Lanjutan bagi pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Sarjana yang baik bagi pengajian peringkat Ph.D (pencapaian CGPA minimum 2.75).
7. Belum memiliki kelayakan Ijazah Lanjutan di peringkat yang sama tanpa mengira bidang pengkhususan dan hanya dibenarkan memohon kursus pada peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik yang telah dimiliki.

#### **➤ PERINGKAT SARJANA PERUBATAN**

8. Telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) bagi Pegawai Perubatan di HPU.
9. Mempunyai pengalaman klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh MPM bagi Pegawai Perubatan di Hospital Pengajar Universiti (HPU).

#### **UMUR**

10. Pada 31 Disember 2023, pegawai mestilah berumur tidak lebih daripada 43 tahun bagi pengajian peringkat kedoktoran (Ph.D) dan 45 tahun bagi pengajian peringkat Sarjana.

#### **INSTITUSI PENGAJIAN**

11. Pegawai masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam negara atau pegawai telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi.
12. Pegawai tidak dibenarkan melanjutkan pengajian di universiti yang sama dengan tempat pegawai berkhidmat (pengecualian kepada Pegawai Perubatan di HPU bagi kategori Klinikal).

#### **SYARAT CUTI BELAJAR**

13. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005.

<b>Tempoh Kursus yang telah diikuti</b>	<b>Tempoh Menunggu untuk mengikuti kursus jangka panjang yang berikutnya</b>
Lebih daripada 12 bulan	Selepas genap 2 Tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	Selepas genap 1 Tahun

#### **SYARAT LAIN**

14. Tidak menerima sebarang bentuk penajaan daripada mana-mana badan penaja lain.
15. Telah mengisytiharkan harta (termasuk pengisytiharan harta tambahan) dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.
16. Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman PTPTN atau Tabung Pinjaman Pelajaran (TPP).
17. Bebas daripada sebarang pertuduhan/ tindakan tatatertib/ dakwaan mahkamah.
18. Bebas daripada sebarang Penyakit Kronik dan penyakit berjangkit. Senarai Penyakit Kronik adalah seperti di Lampiran 1.

#### **KETUA JABATAN/ MAJIKAN**

19. Ketua Jabatan hendaklah membuat semakan yang teliti dan memberi sepenuh perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memperakukan pegawai-pegawai yang sesuai serta memenuhi syarat- syarat yang ditetapkan.
20. Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya memperakukan calon yang boleh dilepaskan oleh Ketua Jabatan pada tahun 2024 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan berkenaan adalah dikehendaki memberi pelepasan kepada mereka untuk menjalani pengajian.

#### **DOKUMENTASI**

21. Pegawai dikehendaki menyediakan dokumen seperti berikut:

Sarjana	Kerja Kursus	Cadangan Pelan Pengajian
	Penyelidikan	Kertas Cadangan Pengajian (Proposal)
	Campuran	Kertas Cadangan Pengajian (Proposal)
Sarjana Perubatan	Klinikal	Cadangan Pelan Pengajian
PHD	Penyelidikan	Kertas Cadangan Pengajian (Proposal)

22. Kulit depan kertas cadangan hendaklah mematuhi format seperti yang telah disediakan. Kulit muka depan serta garis panduan menulis cadangan penyelidikan dan pelan pengajian di **LAMPIRAN A**).

23. Pegawai hendaklah muatnaik kesemua dokumen di perkara 24. Senarai salinan dokumen sokongan yang diperlukan ialah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>DOKUMEN</b>	<b>FORMAT</b>	<b>SAIZ MAKSIMA</b>
1.	Gambar berukuran pasport	JPEG	280kb
2.	Rancangan Penyelidikan (proposal) atau Pelan Pengajian yang disahkan *Ketua Jabatan / Penyelia (Rujuk Perkara 1 diatas)	PDF	1.0mb
3.	Transkrip Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua-duanya (diakui sah)	PDF	300kb
4.	Sijil Ijazah Pertama / Sarjana ATAU kedua – keduanya (diakui sah)	PDF	320kb
5.	Senarai Tugas Terkini (disahkan)	PDF	300kb
6.	Salinan Buku Perkhidmatan Terkini	PDF	300kb
7.	Borang Perakuan Ketua Jabatan	PDF	300kb
8.	Surat Lantikan di HPU dan UA Gred 41 ke atas (Perkhidmatan Terdahulu dan terkini)	PDF	300kb
9.	Surat Pengesahan Jawatan di HPU dan UA bagi Gred 41 ke atas (Perkhidmatan Terdahulu dan terkini)	PDF	300kb
10.	Sijil Kompetensi Profesional/MedEx/Dokumen yang menunjukkan Ahli Pengamal Perubatan/ Lain – lain	PDF	300kb

\*Nota :

1. Ketua Jabatan adalah Pendaftar/Timbangan Pendaftar Pengurusan Sumber Manusia Sahaja.
2. Semua dokumen perlu diakui sah.

24. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai.

25. Nota: Tanggungjawab pegawai untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut dilengkapi sepenuhnya tanpa ada sebarang kecaciran sebelum borang permohonan lengkap tersebut dikemukakan.

26. Sila rujuk pada pautan **Borang** sebagai panduan :

- [Panduan mengimbas dokumen sokongan](#)
- [Panduan menukar format dokumen ke format PDF](#)
- **Lampiran A** - Kulit muka depan serta garis panduan menulis cadangan penyelidikan dan pelan pengajian

## PERMOHONAN

27. Calon-calun yang berminat hendaklah memohon secara atas talian sepenuhnya di pautan berikut: <https://biasiswa.mohe.gov.my/hlp/index.php> atau melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi (rujuk Pautan Pantas > Permohonan / Semakan Dibuka).
28. Permohonan akan mula dibuka pada **24 Oktober 2023 jam 5.00 petang hingga 20 Disember 2023 jam 5.00 petang**.
29. Permohonan yang tidak menepati syarat yang ditetapkan, mengandungi maklumat yang tidak benar, tidak lengkap, dokumen sokongan yang tidak disahkan atau borang permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon yang layak dan melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk urusan temu duga.
30. Pemilihan muktamad akan diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penajaan, Kementerian Pendidikan Tinggi
31. Permohonan dianggap lengkap dan telah dihantar apabila pemohon menekan butang **'Sah & Hantar'** pada paparan.
32. Permohonan yang diterima selepas dari jam 5.00 petang tidak akan diproses. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

## PERTANYAAN

### i. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan  
Bahagian Biasiswa  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Aras 2, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan 62200 PUTRAJAYA

**(u.p. : Cik Nur Iffah binti Mohd Azmin/ Puan Norzila binti Husin/ Cik Nurhafifah binti Rosli)**

**No. Telefon : 03-8870 6374 / 03-8870 6902 / 03-8870 6339/ 03-8870 6000  
samb. 4765**

**Faks : 03-8870 6839**

**E-mel : [slpp@mohe.gov.my](mailto:slpp@mohe.gov.my)**

### ii. Untuk masalah teknikal/sistem permohonan, sila hubungi :

**No. Telefon : 03-8870 6317 / 03-8870 6319**

**E-mel : [sitimazuin@mohe.gov.my](mailto:sitimazuin@mohe.gov.my)  
cc: [slpp@mohe.gov.my](mailto:slpp@mohe.gov.my)**

**SENARAI PENYAKIT KRONIK**

1. Kanser;
2. Serangan jantung;
3. Pulmonary Hypertension;
4. Sakit buah pinggang yang kronik;
5. Sakit hati (liver) yang kronik;
6. Fullminant Viral Hepatitis;
7. Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
8. Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
9. Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
10. Pembedahan organ utama;
11. Penyakit Parkinson;
12. Penyakit HIV dan Aids;
13. Pembedahan kaki dan/atau tangan;
14. Skizofrenia; dan
15. Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat
16. untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau
17. pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.



SENARAI INSTITUSI DALAM NEGARA BAGI PERMOHONAN HADIAH LATIHAN  
PERSEKUTUAN BAGI STAF BUKAN AKADEMIK IPTA

1. Universiti Malaya (UM)
2. Universiti Sains Malaysia (USM)
3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
4. Universiti Putra Malaysia (UPM)
5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
6. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
7. Universiti Utara Malaysia (UUM)
8. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
9. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
10. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
11. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
12. Universiti Teknologi MARA (UiTM)
13. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
15. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
16. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
17. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
18. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
19. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
20. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
21. Universiti Multimedia (MMU)
22. Universiti Teknologi Petronas (UTP)
23. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
24. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)
25. Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM, UKM)
26. Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)
27. Sultan Ahmad Shah Medical Centre (SASMEC @IIUM)
28. Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (HSAAS) (Universiti Putra Malaysia)
29. Hospital Al Sultan Abdullah, Universiti Teknologi MARA (HASA)
30. Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani, Hospital Pakar Kanak-Kanak UKM (HPKK)
31. Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (HPUniSZA)
32. Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS)
33. Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan UNIMAS (Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS))